



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**PEKELILING SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN  
BILANGAN 4 TAHUN 2008**

---

**KAEDAH PELAKSANAAN PEMBERIAN TARAF BERPENCEN  
ANGGOTA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN**

**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN  
MALAYSIA**

**SPP.10/3/6-1 ( 40 )**



## **KERAJAAN MALAYSIA**

---

### **PEKELILING SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN BILANGAN 4 TAHUN 2008**

---

#### **KAEDAH PELAKSANAAN PEMBERIAN TARAF BERPENCEN ANGGOTA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN**

##### **TUJUAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan kaedah pelaksanaan dan penetapan tarikh Pemberian Taraf Berpencen (PTB) Anggota Perkhidmatan Pendidikan di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Malaysia.

##### **LATAR BELAKANG**

2. Sistem Saraan Baru (SSB) yang telah dikuatkuasakan mulai 1 Januari 1992 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991, menetapkan pegawai lantikan tetap layak diberi taraf berpencen apabila:
  - (a) telah disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) diperakukan oleh Ketua Jabatan; dan

- (c) genap berkhidmat bagi perkhidmatan yang dimasuk kira untuk tempoh **selama tiga (3) tahun**.
3. Syarat perkhidmatan yang tersebut dikekalkan apabila Kerajaan melaksanakan Sistem Saraan Malaysia (SSM) mulai 1 November 2002 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002.
  4. Di samping itu, semasa berada di dalam tempoh percubaan, pegawai (iaitu anggota lantikan baru pada atau selepas 12 April 1991) hendaklah diberi opsyen sama ada bersetuju atau tidak bersetuju memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Mana-mana pegawai yang telah memilih Skim KWSP, maka Ketua Jabatannya tidak perlu memperakukan kepada SPP untuk tindakan PTB.
  5. Dalam melaksanakan peraturan PTB, Pekeliling ini telah mengambil kira pindaan dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005.

## **TAKRIFAN**

6. Bagi maksud pemakaian Pekeliling ini, “Ketua Jabatan” bermaksud pegawai yang mengetuai sesuatu jabatan dan bertanggungjawab mengawal Buku Rekod Perkhidmatan, seperti berikut:
  - (a) bagi pegawai yang berkhidmat di Institut Perguruan, Kolej Matrikulasi, Politeknik, Kolej Komuniti dan bahagian-bahagian di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia

(KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM), Ketua Jabatan ialah **Pengarah agensi/ bahagian berkenaan**; dan

- (b) pegawai yang berkhidmat di sekolah, Pejabat Pelajaran Daerah dan Jabatan Pelajaran Negeri, Ketua Jabatan ialah **Pengarah Pelajaran Negeri yang berkenaan atau Pegawai Pelajaran Daerah yang diberikan kuasa mengawal Buku Rekod Perkhidmatan.**

#### **SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PEMBERIAN TARAF BERPENCEN**

- 7. Syarat-syarat PTB Anggota Perkhidmatan Pendidikan yang meliputi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) dan Anggota Kumpulan Sokongan (AKS) ditetapkan seperti berikut:
  - (a) pegawai yang sedang berkhidmat dan tidak memilih skim KWSP;
  - (b) telah disahkan dalam perkhidmatan; dan
  - (c) telah berkhidmat selama tidak kurang daripada 3 tahun perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira bermula dari tarikh lantikan tetap pegawai.
  
- 8. Pegawai-pegawai lantikan tetap sebelum 31 Disember 1991 yang telah bersara atau meninggal dunia pada atau selepas 1 Januari 1992 dengan syarat telah memilih SSB adalah juga layak dipertimbangkan untuk diberi taraf berpencen sekiranya mereka memenuhi syarat-syarat di para 7 di atas.

## **TATACARA PERAKUAN OLEH KETUA JABATAN**

9. Ketua Jabatan perlu memastikan perakuan PTB pegawai dikemukakan ke SPP memenuhi syarat-syarat di para 7. Surat perakuan PTB oleh Ketua Jabatan kepada SPP hendaklah disertakan dengan dokumen seperti berikut:
  - (a) Jadual Kelima, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 iaitu seperti di [LAMPIRAN A](#);
  - (b) Jadual Keenam, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 iaitu seperti di [LAMPIRAN B](#); dan
  - (c) salinan Kenyataan Perkhidmatan pegawai yang dikemas kini. Antaranya mengandungi rekod catatan berikut:
    - (i) tarikh pelantikan tetap;
    - (ii) tarikh pengesahan dalam perkhidmatan;
    - (iii) pemilihan Opsyen Skim Pencen/Skim KWSP;
    - (iv) Tarikh Pergerakan Gaji Tahunan;
    - (v) Peperiksaan Perkhidmatan/Kursus Induksi dengan keputusannya sama ada gagal atau lulus;
    - (vi) cuti tanpa gaji/sepenuh gaji/tanpa rekod yang telah diluluskan (jika ada); dan
    - (vii) hari-hari tidak hadir bertugas (jika ada).
10. Tempoh masa untuk Ketua Jabatan mengemukakan perakuan berserta dengan dokumen adalah seperti berikut:

- (a) dalam tempoh satu (1) bulan pegawai genap berkhidmat secara berterusan selama tiga (3) tahun dari tarikh lantikan tetapnya. Contoh perkiraan tempoh berkhidmat adalah seperti di [LAMPIRAN C](#); atau
  - (b) pegawai telah mencapai genap berkhidmat selama tiga (3) tahun yang boleh dimasukkan kira setelah menolak (jika ada) tempoh-tempoh perkhidmatan yang tidak diambil kira kerana cuti tanpa gaji atau hari-hari tidak hadir bertugas. Contoh perkiraan tempoh berkhidmat adalah seperti di [LAMPIRAN D](#).
11. Ketua Jabatan adalah **diperingatkan** supaya tidak mengemukakan perakuan PTB dalam keadaan berikut:
- (a) tempoh perkhidmatan tetap pegawai kurang daripada 3 tahun;
  - (b) pegawai yang telah memenuhi syarat dan layak diperakukan PDP dalam tempoh satu (1) tahun dan memilih Skim Pencen **tidak perlu** dikemukakan bersekali dokumen perakuan PTB; dan
  - (c) pegawai dilantik ke gred baru dan tertakluk semula dengan tempoh percubaan, walaupun perkhidmatannya telah melebihi tempoh 3 tahun.

#### **PEMBERHENTIAN CARUMAN INDIVIDU KE DALAM KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP)**

12. Anggota yang memilih Skim Pencen perlu terus mencarum ke dalam KWSP sehinggalah surat kelulusan PTB dikeluarkan

oleh SPP. Ketua Jabatan adalah diingatkan untuk tidak memberhentikan caruman KWSP anggota walaupun telah berkhidmat melebihi 3 tahun selagi belum menerima surat kelulusan PTB oleh SPP.

### **PENETAPAN TARIKH PEMBERIAN TARAF BERPENCEN**

13. Tarikh PTB yang ditetapkan oleh SPP adalah seperti berikut:
  - (a) tarikh semasa iaitu satu hari bulan pada bulan berikutan selepas SPP menerima perakuan lengkap dari Ketua Jabatan; **atau**
  - (b) sehari sebelum tarikh bersara bagi pegawai-pegawai yang bersara dalam keadaan biasa yang belum diberi taraf berpencen; **atau**
  - (c) sehari sebelum tarikh kematian bagi pegawai-pegawai telah genap berkhidmat 3 tahun dan meninggal dunia sebelum diberi taraf berpencen.


### **PEMBERIAN TARAF BERPENCEN DI BAWAH PERWAKILAN KUASA SPP KEPADA KPM/ KPTM/ JPN**

14. Pegawai-pegawai yang diberi perwakilan kuasa oleh Suruhanjaya hendaklah melaksanakan penetapan tarikh PTB seperti dasar yang ditetapkan di para 13.

## **KUAT KUASA PELAKSANAAN**

15. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh pekeling ini dikeluarkan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(DATO' WAN KHAZANAH BINTI ISMAIL)**

Setiausaha  
Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran  
Malaysia

Edaran:

Ketua Setiausaha  
Kementerian Pelajaran Malaysia

Ketua Setiausaha  
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

Salinan kepada:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam

JADUAL KELIMA

BORANG OPSYEN

BAGI SKIM KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA MENGIKUT  
SUBSEKSYEN 6A(1) AKTA PENCEN 1980

(Peraturan 35)

Saya ..... No. Kad Pengenalan .....  
yang dilantik sebagai ..... dalam perkhidmatan  
**Pendidikan** pada ..... (tarikh) dengan ini bersetuju / tidak bersetuju\*  
memilih **SKIM KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA**.

2. Saya faham bahawa jika saya tidak memilih SKIM KUMPULAN WANG  
SIMPANAN PEKERJA, atau mengembalikan borang ini tanpa menyatakan apa-  
apa pilihan atau menyatakan apa-apa syarat kepada pilihan atau tidak  
mengembalikan borang opsyen ini mengikut peraturan yang ditetapkan, maka  
saya hendaklah dimasukkan ke dalam skim berpencen mengikut Akta Pencen  
1980.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.....

(Tandatangan Pegawai)

Tarikh: .....

Disaksikan Oleh: .....

(Tandatangan Saksi)

Tarikh : .....

Nama: .....

No.KadPengenalan: .....

Jawatan: .....

\* potong mana yang tidak berkenaan.

**JADUAL KEENAM**

**PERAKUAN PEMBERIAN TARAF BERPENCEN**

**(Peraturan 36)**

Saya dengan ini mengesahkan bahawa .....  
No. Kad Pengenalan ..... telah disahkan dalam jawatannya  
yang sekarang dan telah genap tempoh selama tidak kurang daripada .....  
..... tahun perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira dan saya dengan ini  
memperakukan pegawai ini untuk diberi taraf berpencen.

Tandatangan Guru Besar/ Pengetua : .....

Nama Guru Besar/ Pengetua : .....

Nama Sekolah : .....

Tarikh : .....

Tandatangan Ketua Jabatan : .....

Nama Ketua Jabatan : .....

Kementerian / Jabatan : .....

Tarikh : .....

## LAMPIRAN C

### Perkiraan Tempoh Berkhidmat Berterusan 3 Tahun Dari Tarikh Lantikan Tetap Untuk Perakuan Pemberian Taraf Berpencen (PTB)

	<b><u>Kenyataan</u></b>	<b><u>Tarikh</u></b>
i.	Pelantikan tetap PPPS Gred DG41	2.1.2004
ii.	Pengesahan dalam perkhidmatan Gred DG41	2.1.2005
iii.	Cuti bersalin bergaji penuh selama 60 hari	1.2.2005 hingga 1.4.2005
iv.	Menghadiri kursus dalam perkhidmatan (bergaji penuh)	2.5.2006 hingga 31.7.2006
v.	Tempoh genap berkhidmat 3 tahun	2.1.2007
vi.	Tarikh perakuan PTB ke SPP	2.1.2007 hingga 2.2.2007

## LAMPIRAN D

### Perkiraan Tempoh Berkhidmat 3 Tahun Dengan Menolak Tempoh Perkhidmatan Yang Terputus Kerana Bercuti Tanpa Gaji/ Atau Tidak Hadir Bertugas Dari Tarikh Lantikan Tetap Untuk Perakuan Pemberian Taraf Berpencen (PTB)

<u>Kenyataan</u>		<u>Tarikh</u>
i.	Pelantikan tetap PPPS Gred DG41	2.1.2004
ii.	Pengesahan dalam perkhidmatan Gred DG41	2.1.2005
iii.	Cuti bersalin anak pertama (bergaji penuh) selama 60 hari	1.3.2005 hingga 29.4.2005
iv.	Cuti tanpa gaji menjaga anak (62 hari)	30.4.2005 hingga 30.6.2005
v.	Tidak hadir bertugas (3 hari). Potongan gaji mengikut peruntukan 14 'A', Perintah Am Bab 'C'	2.6.2005 hingga 4.6.2005
vi.	Cuti bersalin kali kedua (60 hari)	1.1.2007 hingga 1.3.2007
vii.	Cuti tanpa gaji menjaga anak (60 hari)	2.3.2007 hingga 30.4.2007
viii.	<b>Bilangan hari cuti tanpa gaji dan tidak hadir bertugas: 62 hari + 60 hari + 3 hari = 125 hari</b>	
ix.	Tempoh genap berkhidmat 3 tahun yang dimasukkan kira	6.5.2007
x.	Tarikh perakuan PTB ke SPP	6.5.2007 hingga 6.6.2007